

## TRANSKRIPSI SESI TEMURAMAH SEJARAH PENUBUHAN USIM

**Tokoh:** Puan Hajjah Rohani bt. Abu  
**Jawatan:** Bendahari USIM (2000 – 2009)  
**Tarikh temuramah:** 11 Mei 2007  
**Penemuramah:** Harianti Husain (Pustakawan)  
Ahmad Yazid Ahmad (Pustakawan)

.....

**Yazid:** Apakah latar belakang pendidikan serta kerjaya sebelum bertugas di USIM ini?

**Puan Rohani:** Bismillahirrahmanirrahim..saya berkelulusan daripada universiti Malaya iaitu memegang ijazah sarjana muda ekonomi dalam bidang applied ekonomi saya tidak mengambil ah saya mengambil accounting tapi tahun pertama lepas tu saya menjurus kepada ee apa nama kalau dalam bahasa malaysianya ialah ekonomi gunaan lah which is ar more appropriate untuk kerja di banking line dan oleh kerana itu kerjaya saya yang pertama adalah di OCBC ye sebagai pegawai bank dan e bile ada em interview dibuka untuk UKM masa tu e saya memohon menjadi post pertama dipanggil pegawai kewangan that time dia panggil pegawai kewangan dan sy menjadi pegawai kewangan jabatan pertama saya bertugas ialah di unit pembangunan mase tu unit ukm masih rancak dengan development mcm kite lah jadi ar saya joint ukm tahun 74 1 hb jun 74 dan diletakkan di unit pembangunan untuk menjaga kewangan projek-projek pembangunan masa tu pastu sy berkhidmat dengan ukm sehingga tahun

2000 jadi daripada pegawai kewangan saya dilantik menjadi penolong bendahari kanan dan ketua penolong bendahari dan ar sehingga saya di di jemput oleh dato' rektor di pelawa oleh dato' rektor utk menjadi bendahari usim pd akhir tahun 1999 jadi saya ar dengan hati terbuka lah sebab pertama kerana nak tukar kerjaya dan kedua suka saya suka jadi pioneer sebab kita setup satu benda yang baru sebab dah 20 tahun dalam bidang kewangan tempat yg sama kita pun merasa mcm (bunyi) ar nak satu pembaharuan dalam hidup kita kan jadi kebetulan tahun 2000 ialah tahun yang new millennium jadi saya merasakan satu proses pertukaran memang the right time lah apabila pelawaan itu saya menerima jadi semasa saya bekerja di ukm saya di berikan ar dibawah skim cuti belajar utk melanjutkan pelajaran di Ohio University di USA so saya membuat double double masters iaitu master economic dengan pengkhususan di dalam business ekonomi dan jugak masters in ar masters in international affairs MAIA ye maknanya ar memang disana tu memang trend la orang selalu dalam masa setahun setengah tu saya cuba grab berapa banyak peluang-peluang kita boleh dapatlah untuk menimba ilmu jadi ar itulah saya punya pengalaman maknanya memang saya bermula dari banking dan terus masuk ukm, ukm paling lama lah dan saya terus more than that saya terus ar karier saya terakhir di KUIM lah.

**Harianti:**

Pada hari pertama puan bertugas di KUIM apakah perasaan puan bila dilantik sebagai bendahari dan apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan ketika pertama kali ditugaskan di KUIM?

**Puan Rohani:**

Ar kalau kita ar dikatakan masa tu bila dato' dato' shukor sebagai rektor masa tu mendapat surat dan beliau diminta untuk mencari timbalan dan jugak ar dipanggil pengasas pioneer orang-orang penggerak dipanggil penggerak jawatan penggerak yang dimaksudkan tu adalah ar rektor, timbalan rektor, pendaftar, bendahari itulah sebagai penggerak dan ar jugak dilantik ar driver dan sebagainya untuk membawa dan sebagainya tapi buat planning perancangan kami berempat jadi mase tu bila saya dilantik secara ialah secara officialnya melalui surat saya telah meninggalkan jawatan bendahari dan berada dibahagian admin dan terus ar berkhidmat ditingkat 5 di bangunan pengajian islam tingkat 5 kalau tak silap saya disitulah kami memulakan operasi dengan menumpang itupun ihsan menumpang tanpa dikenakan sewaan tetapi of course ar kita kene buat sedikit melakukan renovation mase tu kos renovation dia lebih kurang saya rasa ada lebih kurang ar tiga puluh ribu utk membetulkan sbb itu pejabat utk disesuaikan dgn seadanya lah ye utk disesuaikan dengan ar peralatan yang seadanya utk kamilah dan masa itu apabila ditubuhkan kami tidak diberi satu sen pun peruntukan tidak seperti universiti-universiti lain kerana kami bukan lah satu universiti yang di di ada bapa angkat macam KUITTHO bapa angkat dia adalah UTM di KUSTEM dia punya bapa angkat dia adalah UPM begitu jugak perlis USM jadi kami stand alone jadi kementerian kata kita tak boleh bagi you duit sbb you takde ambil daripada mana ini adalah idea cetusan idea daripada ar pihak atasan ye maknanya untuk menubuhkan jadi kita nak buat renovasi renovation duit pun takde saya terpaksa minta gunakan ar kontraktor yang ada di ukm ar ini atas orang kata janji mulut aje tidak ada sebab tidak ada keluar LO pun tak ada sbb kita tidak ada duit nak

keluar LO pun tak boleh jadi kita janji kalau misalnya ar dpt duit nanti kita bayar jadi bermula itu kita hutang dan selepas daripada itu kita pun mengambil sorang atau 2 org pekerja mase tu ar gaji dia pun takde dato' shukor sendiri keluarkan personal cheque untuk membayar dan manakala ar alat-alat tulis semua saya terpaksa gunakan hubungan saya masa di ukm contact pembekal-pembekal alat tulis sebab kita nak beroperasi kita perlu ada alat tulis dan sebagainya jadi terpaksa kami meminta mereka supply dan kita bayar sehinggakan bila kita bermesyuarat yang pertama mesyuarat ar jawatankuasa kewangan bulan 6 kalau tak silap saya ye barulah kita membawa usul untuk membuka akaun dan barulah akaun itu disalurkan dan ar barulah kita boleh buat pembayaran jadi sementara itu memang kebanyakan kami ni mendahului duit kami, jadi itu dari segi kewangan, maknanya kami ni unik sikit we start with zero capital memang takde duit (telan air liur) daripada januari sampai bulan 6 jadi ar dari segi tenaga kerja sayalah jadi typist sayalah buat Xerox sebab kita takde masa tu kita nak start saya diarahkan oleh dato' untuk buat bajet bila saya dilantik ar dato' panggil saya dengan cik nan, cik nan you sediakan, bila kita menubuhkan universiti baru ar kementerian hendakkan terus kita mengemukakan bajet, cik nan mengemukakan bajet ar ni peruntukan untuk permohonan untuk mendapatkan berapa tenaga pekerja dan saya diminta untuk menyediakan bajet mengurus tahun itu, jadi saya ni menggunakan imaginasi saya, saya tengok cik nan punya pengunjuran berapa nak ambil daripada tu saya boleh mengirakan gajinya saya kirakan berapa orang berapa kali kita nak mesyuarat berapa kali perjalanan dan berapa kali dan sebagainya saya dapat satu jumlah bajet yang ditetapkan dan lagi satu saya

diminta satu lagi cabaran ialah menyediakan bajet bagi rancangan Malaysia ke 8 macam mana you nak buat kampus saya bayangan saya ni bukan QS saya bukan seorang, masa tu kita takde jurutera jadi dia kata puan rohani sekarang ni RM 8 dah nak ar dah nak tutup you masukkan sekali supaya kita dapat bajet rancangan Malaysia ke 8 boleh membina kampus cuma bayangkan lah saya dengan kalau mengurus tu saya boleh buat lah tapi pembangunan tu saya rasa amat berat untuk saya memikul memikirkan satu jumlah wang untuk membina sebuah kampus ha itu satu cabaran tapi alhamdulillah saya mendapat bantuan daripada ar ukm daripada unit pembangunan saya tapi saya mengira sendiri lah kitalah jadi dispatch girl kitalah jadi typist kitalah buat Xerox dan kitalah pergi defend bajet tu sendiri ha itu pengalaman lah memang kita struggle actually we struggle kita kene buat eeverything bukan maknanya kalau macam universiti-universiti yang ada dah dia punya ar apa ni bapa angkat tu dia senang boleh dapat dah semua boleh pinjam barang boleh pinjam duit peruntukan we start kosong dgn takde pekerja dengan takde kita punya kewangan jadi maybe tu satu pengalaman la tetapi bila kita melihat dalam 7 tahun kita berada macam ni saya macam tak percayalah bahawa kita mampu melaksanakan tu lah pengalaman saya..kepuasan jadi saya masa dilantik tu pun saya fikir bukan saya tak kisah pasal gaji saya tanya apakah yang boleh saya sumbangkan pada kuim ni ha itu yang saya fikir, saya tak kisahlah saya dilantik pada actually saya dilantik tu pada waktu saya tu pun di ukm gaji mati pun tapi saya tak kisah saya kata why not saya jadi pioneer insyaallah dikenang juga oleh anak-anak kita itu yang saya nak khidmat saya lagipun saya tengok islam ada disitu saya rasa

mungkin ini satu ialah kita mencari makan nafkah ni kita dapat jugalah kalau kita buat benda yang baik maknanya sedikit adalah ganjaran di akhirat tu..

**Yazid:** Puan, berkenaan dengan perkembangan Jabatan Bendahari di KUIM ini apakah fungsi-fungsi yang puan jalankan diperingkat awal sehingga sekarang setelah pertukaran nama KUIM kepada USIM?

**Puan Rohani:** Ok kalau kita nak kalau kita nak lihat kepada fungsi bendahari ni sama saje semua bendahari menjalankan tugas dan kampus yang sama dan kita ar dibawah AUKU ada disebutkan apakah tugas-tugas seorang pegawai kewangan lah kita buat bajet kita buat perolehan kita buat penerimaan wang kita buat bayaran dan juga kita buat peminjaman aset tu mmg tugas tapi nampak je lima tapi pecahannya banyak actually tapi itulah lima fungsi enam fungsi utama so, kita maknanya kita bergerak daripada situ memanglah daripada tahun ke tahun memang itu memang sampai sekarang kita punya itu teras tetapi cara melaksanakan kalau dulu kita pakai mungkin kita pakai UBS accounting sekarang ni terapkan kepada integrated system jadi dia punya org kata bendahari jabatan bendahari ni dia punya fungsi tu memang begitulah cuma sekarang kita ditambah dgn fungsi-fungsi lain seperti penjanaan pendapatan sebab itu pun memang didalam aa era baru ni universiti dikehendaki menjana pendapatan so itu memang fungsi tambahan yang kita slowly la cuba menambahkan kita mungkin nak buka bisnes wing dan sebagai lah.

**Harianti:** Puan, berapakah agaknya bilangan staf di Jabatan Bendahari di awal penubuhan dan bagaimana dengan staf yang sedemikian dapat menjalankan operasi ini?

**Puan Rohani:** Itulah kalau kalau nak ikutkan ar staf saya yang mula-mula sekali ialah azreen, puan azreen filzah saya dibantu oleh puan azreen selepas itu tahun 2001 baru masuk en. Mad khir ar en. Puan sifi nurbaya pastu baru saya ada secretary Roslina dan sebagainya tapi pada tahun 2000 tu mmg kita tak takde staf la dibantu oleh azreen slowly pada akhir tahun tu lah baru ada puan sifi sebagai satu jadi ar kita saya rasa ape yang membolehkan saya menjalankan tugas itu adalah pengalaman pengalaman yang kita ada di universiti kebangsaan itu saya rasa cukup untuk saya sebab kalau masa saya dipelawa oleh dato' rektor saya mengukur keupayaan saya jadi berdasarkan pengalaman saya pernah mengetuai satu seksyen di universiti kebangsaan Malaysia UKMS saya menjadi finance seksyen disana selama 2 tahun jadi saya telah expose fungsi-fungsi pejabat bendahari secara keseluruhan walaupun sebelum ni saya banyak bertumpu kepada pengurusan kewangan kakitangan tetapi apabila adanya exposer saya di UKMS saya membuat kerja dari A-Z merancang unit kewangan di universiti kebangsaan Malaysia cawangan sabah jadi saya merasakan saya berkeyakinan boleh melaksanakan tugas dengan baik.

**Yazid:** Berkenaan dengan bajet permulaan USIM, sekiranya tidak dianggap sulit la berapakah bajet permulaan usim dari mana ianya diperolehi dan bagaimana mana ia dibelanjakan serta prioritinye kerah yang mana?

**Puan Rohani:**

Actually masa pertama kali kita buat bajet seperti mana yang saya jelaskan tadi saya buat sorang masa kita saya dilantik dato' pesan kepada saya, puan rohani you kirakanlah berapa kita nak pohon tahun ini saya pun kata saya takut terlalu kecil atau terlalu besar nanti diketawakan oleh orang-orang daripada MOF sebab bajet ni kena satu yang realistik jadi saya telah berdasarkan satu perkiraan yang berdasarkan jumlah staf saya ambil daripada bilangan staf sebab masa tu pun pelajar kita ada telah ada perancangan pelajar itu pun menjadi asas jugak jadi kita saya mengirakan mendapat bajet sebanyak 7.43 juta di dalam tu merangkumi emolumen, gaji juga bekalan, bekalan tu maknanya bekalan pejabat and then kita ada nak buat sikit bayaran tutorial syarahan sambilan and then pekerja-pekerja sambilan and then bawah sebahagian daripadanya aset, aset tu yang pertama yang paling besar yang kita beli kereta lah sebab pada masa tu saya ingat kita belum ada kereta lagi satu biji kereta pun takde sebab seperti yang kita katakan kita start kosong kan jadi selama ini cik nan, saya, dato' rektor dan dato' lah bergilir-gilir bawak kereta sometime dato' syukur jadi driver, kadang-kadang dato' lah, kadang cik nan jadi lepas bila kita dapat bajet tu terus kita minta kelulusan untuk membeli kenderaan jadi barulah kita beli kereta perdana berdasarkan kelulusan dan juga kita beli pajero tu yang pertama sekali lah kenderaan kita yang official masa tu pajero ar dan lepas tu baru kita menambahkan kenderaan mengikut keperluan lah dan kita telah ar oleh kerana bajet masa itu diluluskan kita sebenarnya (telan air liur) bermula pada sebenar-sebenarnya pada bulan enam walaupun pada permulaannya ar januari tu cuma tenaga penggerak saja lebih kurang 10 orang termasuk staf daripada bendahari,

staf daripada canselori sorang satu satu satu jadi 10 orang termasuk driver dan sebagainya itu saja tetapi bila 1 haribulan 6 masuknya pelajar pertama maka bermulalah kita punya perbelanjaan ye dengan hebatnya jadi ar kita belanja mase tu manage to spend oleh 3.5 juta atas alasan kerana kita start pada bulan jun operasi kita yang sebenar that's why bila kementerian tanya kenapa you minta 7.4 juta you belanja 3.5 saya kata operasi kita bermula pada pertengahan tahun bermulanya pengambilan pelajar maka bermulalah operasi kita so, understandable lah kenapa kita tidak menghabiskan bajet pada masa itu.

**Harianti:** Apakah cabaran dan rintangan yang dihadapi Jabatan Bendahari diawal penubuhan serta bagaimanakah cara puan mengatasinya?

**Puan Rohani:** Ok kalau kita nak katakan diawal penubuhan tadi too first constraint on duit lah kita start dengan tak ada duit memang hutang lah hutang alhamdulillah lah bila dapat duit tu saya memang melaksanakan balik lah apa yang telah kita janji orang percaya kita, kita walaupun tidak ada satu orang kata finding yang secara rasmi tapi kita owner lah kita bayar semuanya sekali takde yang hutanglah termasuk sekali duit-duit yang telah didahulukan oleh dato' yang untuk mendahulukan pembayaran gaji jadi tu cabaran kita lah, cabaran yang kedua ialah kekurangan kakitangan lah kita masa tu memang takde kakitangan dan takde satu sistem, satu sistem nak buat bayaran ni kita tercari-cari sistem, mula-mula saya menggunakan khidmat ar en. Idris untuk buat simple voucher, simple perolehan secara rasmi tapi pada akhir tahun tu kita telah melihat satu sistem yang dipanggil UBS Accounting jadi ar again dengan

ar apa nama constraint kakitangan kita manage to ape ni walaupun sistem tu dijual open dalam market tapi kita harus me ape orang panggil customized dengan keperluan kita dan UBS Accounting ni sebenarnya bukan untuk disesuaikan kita menggunakan peruntukkan macam ar bajet sedangkan bisnes accounting ni dia just untuk bisneslah, bisnes ar small tak semestinya small bisnes dia bank pun boleh pakai tapi kita cuba ubahsuaikan alhamdulillah kita telah menggunakan UBS Accounting sehingga tahun 2003, 2003 dan berjaya membuat penutupan akaun dan mendapat bersih pada setiap tahun lah maknanya kita manage menggunakan perisian itu dengan harga yang murah iaitu 3,500 kita beli, kita beli UBS Accounting dan kita beli UBS Payrol dan kita beli UBS Stock, jadi cukuplah dengan 3 sistem ni untuk kita monitor bayaran gaji dan juga stok dan aset-aset universiti serta juga membuat perakaunan dengan harga 2-3 sistem less then ten thousand dan kita menggunakan sepenuhnya lah.

**Yazid:**

Kalau kita lihat daripada system UBS Accounting, Payroll dan sebagainya sekarang kita ada Al-Maliyyah, apakah idea-idea asal pembangunan sistem Al-Maliyyah itu then berapa lama proses pembangunannya dan apakah impak terhadap pengurusan kewangan universiti?

**Puan Rohani:**

Ok ar bila kita menggunakan UBS UBS UBS dia ada constraint sesuaikan digunakan didalam ar dalam perniagaan bisnes memang bisnes menggunakan kita constraint kita ialah kita kita besar banyak yang kedua sistem kita tidak boleh membuat repot tentang satu R&D misalnya projek projek banyak projek dibawah projek tu pada setiap orang ada dia punya peruntukan yang diberi untuk menjalankan

research jadi nak dapatkan detail perbelanjaan untuk setiap researcher tu memang sistem ni tak boleh mengadakan maknanya dia boleh mengadakan setakat orang kata objek yang tertentu sahaja ye jadi kita merasakan ada kekangan yang kedua dia tidak tie tidak mengikat kepada bajet jadi bajet harus dibuat sistem diluar lah maknanya secara manual jadi kita tidak control bajet tu secara selari ye maknanya kalau kita buat bajet tu punya ape ni kawalan peruntukan kita buat sebulan sekali jadi di tak online jadi kita tak tahu mungkin pada akhir bulan tu ada lagi bajet tetapi dalam tu ada perbelanjaan-perbelanjaan jadi kita tak control mungkin terjadi ada lebih belanja sebab kita online tidak menolak bajet tu akan buat selepas tu kita compile jadi itu antara kekurangan jadi kita telah meninjau sebenarnya idea untuk mengadakan al-maliyah, al-munazim ke sebenarnya adalah tercetus daripada kita punya rancangan pembangunan induk kampus kita belajar drpd universiti-universiti terdahulu dimana dia cuma merancangkan fizikal sahaja tidak ICT jadi fizikal dan ICT harus berjalan selari in order to us get kampus kita mempunyai kampus yang indah tetapi hi-tech tidak integrated memang tak guna jadi kita memandang benda tu sebagai sesuatu yang parallel kita buat fizikal kita juga memohon peruntukan ICT maknanya en. Idris daripada teknologi maklumat membuat rancangan ICT macam kampus induk juga apa kita punya perancangan sampaikan kita telah memikirkan sekali rangkaian kampus oleh kerana itu bila kita membina kita punya ar kampus, kita telah memasukkan sekali ICT infrastructure kita ada jadi bila dibangunkan kemas dan everything sekali infrastructure bukan saja infrastructure dari segi perparitan tapi dari segi infrastructure IT that's why bila kita pindah, we are ready jadi

bila kita dah ada infrastructure kita baru memilih software-software yang bagus untuk kita gunakan jadi kita telah melihat beberapa universiti seperti UKM, USM, UPM, UiTM dan UUM dan kami ada pasukan lah, pasukan dari segi pengguna dari segi kewangan saya yang mengetuai cik nan dari segi pendaftar kita ada juga dari segi research kita juga ada dari segi yang kita panggil al-tulabiyah la and then ha daripada akademik jadi kita adalah satu pasukan petugas kami pergi meninjau survey manakala ICT dia menyediakan infra dia akan dengan unit pembangunan supaya bila kita buat kita masukkan sekali wiring tapi kita pakai plak saja so kita punya kampus memang bersedia memang kita rancang dan kita tak mahu belajar bila dah siap baru nak ketuk nak pasang ni nak pasang hub nak pasang apa so semuanya dah ada Cuma cucuk saja kita melihat UUM tu is the best semua sekali boleh pakai oleh kerana itu kita memilih UUM kita mengadakan kerjasama dengan serindit ar serindit IT untuk mecustomizekan sistem itu disini jadi bukan sahaja al-maliyah tapi al-munazin kita ada satu integrated sistem oleh kerana itu bila kita pindah kita ready for everything kalau nak buat sistem kedatangan pun kiosk kita dah ada sebab ar the infrastructure are there everything kalau misalnya kita pindah tanpa mengambil kira perancangan ICT masa nil ah baru nak fikir nak buat apa nama tu sistem kedatangan barulah saya nak fikir macam mana sistem al-maliyah ni nak tukar UBS jadi kita buat serentak memang saya rasa very texing memang penat penat sangat sebab kita kene terlibat dalam banyak jawatankuasa I have to be in jawatankuasa fizikal I have to be in jawatankuasa ICT I have to be in jawatankuasa dengan UUM sebagai ar apa orang kata sebagai antara pengguna dengan developer kan jadi memang banyak

masa yang kita habiskan utk berbengkel bermesyuarat penyelarasan tetapi berkat ketabahan kami ar itulah kita nampak memang kalau nak start sesuatu tu memang sakit tetapi buahnya tu hasilnya memang menyeronokkan so sekarang bila kita dapati bila as you all tengok masukkan semua infrastructure is ready jadi macam library ni en. Jasmin ada sikit lambat kerana dia nak tengok sistem-sistem yang ada jadi kita mengharapkan macam you all ni belum terlambat lagi tu sebab library dalam pembangunan masih boleh di infrastructure masih boleh dimasukkan lah dia tak ada masalah la dan saya berharap sistem library juga satu sistem yang canggihlah sebab kita telah melihat dan telah panggil tender pun jadi jadi saya kita belajar sebenarnya dari pengalaman universiti-universiti lain misalnya universiti Malaysia sabah belum ada lagi dia bangunkan fizikal tetapi baru nak melihat-lihat untill now dia masih ada sistem tetapi tidak integrated stand alone ar kewangan pakai sistem ini pentadbiran pakai ini jadi kalau you nak susah macam macam kami integrated kalu gaji arahan gaji dibayar oleh pendaftar kami boleh ambil dalam sistem dan begitulah dan seterusnya kami memang saya merasakan personally kita make a a very good work ke arah ict kerana kita tidak kita rancangkan perjalanan ict tu selaras selari jadi bila ict tu jalan selari segalanya boleh dilaksanakan sekarang kita nak buat e-filing ke e-perolehan ke e-banking everything possible kalau u takde network

**Yazid:** Asas nya dah ada lah?

**Puan Rohani:** Kita dah mm meletakkan asas jadi you just go for orang kata enhancement ataupun me envisement lah.

**Harianti:**

Seperti yang kita tahu puan adalah diantara tokoh yang paling awal di universiti ini, ok apakah pendapat puan tentang pembangunan fizikal universiti daripada awal sehingga kini?

**Puan Rohani:**

ok mm yang saya yang sebenarnya yang diminta oleh Kementerian Pengajian Tinggi masa tu Encik Daim belum masuk lagi untuk menyediakan aar perancangan permohonan untuk bajet mm RM-8 Rancangan Malaysia Ke 8 masa tu. Dan saya telah menyediakan bajet masa tu kalau tak silap saya saya minta empat ratus eh tiga ratus empat puluh tujuh juta saya rasa empat puluh tujuh juta saya rasa empat ratus tiga puluh juta begitulah aa less daripada hundred million lah aa itupun saya dengan apa orang kata dengan kerjasama daripada Ir. Gani lah daripada UKM, dia panggil saya saya tanya Cik Gani macam mana saya nak buat bajet ni saya sendiri pun tak tahu so dia pun duduk ok you nak buat apa?.. saya pun katalah saya nak buat Admin, saya nak buat Pusat Islam, saya nak buat Dewan, saya nak buat semua imaginasilah berdasarkan apa yang universiti ada, tu dia datang pula soalan, ok admin you nak berapa tingkat? saya pun kata kalau boleh kita nak enam tingkat daripada itu kita membuat costing aa berdasarkan itu jadi and then aa begitu juga dengan aa dewan, pusat islam, ok you hendak berapa ribu orang yang boleh sembahyang at one time, jadi benda-benda soalan itu saya terpaksa fikir cara adhoc lah tapi alhamdulillah nampaknya bajet yang kita bagi itu yang tu tidak nampak orang kata realistik dan aa diterima, jadi makna itu asas dan lepas itu baru bila Cik Daim masuk barulah ada perancangan sebenarnya perancangan kita ini kita telah membahagi-membahagikan projek

pembangunan ini berdasarkan zon until now kita ada zon pentadbiran, zon akademik, zon kemudahan dan sebagainya aa the idea of membahagi zon itu ialah kita nak tenderkan sebenarnya, open tender tetapi kita jugak telah melantik masa itu telah mm menghebahkan dan telah ada permohonan-permohonan untuk melaksanakan ni lah untuk cara aa open tender tetapi aa pada tahun dua ribu satu ke dua ribu dua kita ada minta menggunakan KNB Konsortium Negeri Builders sebagai dalam konsep build design and build, bermula itulah kita terus melaksanakan melalui design and build tetapi aa ada pada tahun dua ribu dua rasa saya ada kekalutan sikit kalau ikutkan aa kita punya perjalanan aa perancangan asal, kita harus berpindah pada tahun dua ribu.. kita pindah sekarang ni pada tahun dua ribu empat lah kita patutnya perancangan asal kita berpindah dua ribu empat everything completelah secara ini tetapi ada sedikit revision dimana, LOI<sup>2</sup> yang telah kita kita apa ni projek yang telah dijalankan diminta supaya saya rasa masa tu pun kita kerajaan tidak cukup wang jadi kita tangguh itu sebab kita dapat beberapa bangunan yang peringkat masih ada lagi macam di asrama yeh and then pusat islam even library itu semuanya di di tangguhkan even admin yang dilaksanakan bila kerajaan bagi balik skop aa duit tu tetapi limited kita diberi pilihan aa sama ada you nak buat apa? nak buat admin ke nak buat bangunan admin ke ataupun nak buat fakulti dan dewan kuliah jadi pada kita pembelajaran adalah lebih penting jadi dengan peruntukan yang terbatas kami mendahulukan dulu dua fakulti iaitu fakulti quran dan sunnah dan fakulti apa FKP FSU yeh jadi fakulti quran dan sunnah tak sekarang ni baru nak tender jadi kita mengharapkan supaya dua lagi fakulti yang ada share, jadi aa kita mendahulukan dua dan dua dewan

kuliah pusat, jadi dengan ada itu kami menganggap bahawa enoughlah untuk kita cukup kita untuk menampung pada kami pembelajaran lebih penting, dewan-dewan kuliah kalau admin kita boleh menyewa allson klana kalaulah most come to worst tetapi kita minta juga managed to get ict punya building satu itu semua kita terpaksa memerah otak pihak pengurusan macam mana kita nak mengatasinya yang mana satu kita nak dahulukan jadi kita mem bahagi priority kepada yang must have dalam konteks development kita ada dua konsep iaitu must have mesti mesti benda yang mesti maknanya pembelajaran nice to have ialah bangunan macam aa masjid, dewan dewan besar to nice to have tak ada pun taka pa, jadi kita menggunakan ict tu untuk menjadikan bangunan pentadbiran , jadi kita duit tu kita dahulukan untuk jadi sewa bangunan pentadbiran that's why dia dipanggil bangunan sementara pentadbiran manakala ict menumpang disana membenarkan bangunan ini diduduki oleh kami, jadi aa itulah perancangan asalnya, lepas daripada itu bila kerajaan membukakan semula bangunan memberi peruntukan selebihnya barulah kita memulakan admin dan projek-projek yang dipanggil terbengkalailah, terbengkalai bukan bermakna kita tak boleh buat tetapi ekonomi tidak membenarkan masa itu barulah kita buat secara open tender, barulah kita siapkan adminlah admin dan dua kuliah pusat manakala yang lain ni sekarang semua open tender dan kita dalam memang pesatlah sekarang ni yang tengah tengah berjalan dan dibuka tender ialah dah award dah pun aa ialah fakulti Quran dan Sunnah, FEM aa, Masjid dan masjid akan dibina oleh ni ah apa nama oleh orang luar aa ada penderma nak menderma ye aa lepas tu dataran selera and in fact kan

yang kita ada sedikit penjimatan universiti telah kita bina untuk you all ni pusat kemudahan pelajar tu kerana kita tidak ada tempat nak makan kan ye satu aa student centre tak da sebenarnya aa pusat kemudahan kita ada commercial commercial centre dan dataran selera yang tengah buat sekarang ni dah open tender dah. Inshaallah kita ada satu commercial centre yang besar ah yang itu temporary tapi tu bukanlah bermakna kita nak runtuhkan itu akan jadi macam hub kat situ lah you all punya dekat kawasan itu akan jadi tapi yang besarnya sedang dibina sekarang ni beserta dengan dataran selera yang tepi tasik tu jadi itu dia punya perancangan memang nampak nya alhamdulillah kita telah melaksanakan rancangan Malaysia ke sembilan ni agak pesatlah inshaallah you akan tengok tahun depan akan tumbuh semua bangunan-bangunan baru termasuk library.

**Yazid:** Sekarang yang hampir siap pun FST lah?

**Puan Rohani:** aa FST dah hampir ap aa tu semua tu adalah maknanya kita nampak dia punya development tu kan nampak development tu berjalan lancar kan.

**Yazid:** Puan, setelah sekian lama puan menerajui Pejabat Bendahari ini, puan mungkin ada perancangan-perancangan lain yang aa untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan universiti ini?

**Puan Rohani:** Ok kita kita sebenarnya pengurusan tu sekarang ni kita nak mantapkan satu kita kene memantapkan maknanya

tenaga-tenaga pekerja kita lah kan, jadi tu adalah aset jadi dari semasa ke semasa kami akan aa(bunyi mulut) menghantarkan diorang tak training sama ada dalam dalaman ataupun luaran disamping itu kita juga nak memantapkan aa apa nama ni pengetahuan warga USIM ni kepada aa system-sistem yang sedang berjalan di di USIM ini iaitu aa buat masa ini alhamdulillah kita telah memberi training kepada PTJ pusat tanggungjawab untuk sekarang ni semua aa bayaran arahan bayaran datang daripada PTJ macam you all kalau dalam library kalau nak suruh bayar tinggal masukkan bil payment dan kami boleh capture disini jadi itu satu perkembangan yang yang baik dan kita juga telah memberi peruntukan maknanya dipanggil di centralized yeh kita menjalankan satu dicentralizedkan maknanya setiap pusat tanggungjawab diberi bajet mengurus untuk menguruskan dia punya dan dia bertanggungjawab kalau perpustakaan tu dia kene aa melaksanakan lah emm peruntukan diberi tu dan dia akan bertanggungjawab diatas pembelian dan sebagainya jadi nampaknya saya lihat dengan kita memberikan kuasa kepada PTJ-PTJ ini untuk menjalankan aa perolehan macam sekarang ni computer dato' kata boleh beli sendiri cuma ada beberapa perkara yang masih belum (bunyi mulut) aa di dihayati sepenuhnya oleh terutama oleh kakitangan baru iaitu tentang tatacara perolehan misalnya masih banyak lagi diaudit query tentang tatacara perolehan tidak diikuti jadi ini maknanya pejabat bendahari haruslah bertugas sebagai mentor bukannya pejabat yang memarah kita mentor makna kita pergi cari PTJ-PTJ yang bermasalah dan tajuk macam mana seharusnya benda itu dibuat dan aa insyaallah saya memang berhasrat untuk mengadakan satu kursus untuk semua PTJ-PTJ yang aa

terlibat di dalam segi perolehan lah cara perolehan yang betul dan juga saya akan buka juga satu slot untuk pengurusan tender sebab sekarang ni banyak tender-tender dokumen dan saya dapati ada juga PTJ yang tidak aa melaksanakan tentang tender-tender dokumen yang betul satu juga yang saya nak bagi ialah resiting sebab kita juga memberi kuasa kepada PTJ untuk kutip wang macam wang denda tetapi di dalam lawatan audit dalaman banyak perkara-perkara ketidakpatuhan kepada aa TI Treasure Instruction jadi itu jugak kita sebenarnya bukannya menghukum mencari kesalahan tetapi seharusnya kita menggunakan approach mendekati mereka dan menanya apakah yang masalahnya ha begitu juga akan kaunsel diorang aa apa masalahnya you mem nama kalau resit hilang macam mana nak buat kita akan bantu dia supaya dia dapat aa orang kata menghantar penyata tu dan kita boleh tutup akaunlah jadi kita memang dari masa ke semasa disamping itu saya dari semasa ke semasa akan membaikilah enhance lagi kita punya al-maliyyah tu buat masa ini kita telah aa melaksanakan aa pembayaran melalui aa e-banker dipanggil maknanya saya boleh meluluskan bayaran dan terus menghantar ke bank melalui ni melalui komputer dengan tidak payah pergi ke bank jadi tuntutan saudara saudari memang saya kalau staf memang kita tidak payah ceklah tidak payah cek terus kita melalui melalui bank daripada sini desktop sahaja maknanya kita menggunakan aa bank.biz yeh aa bankerlah bank islam begitu jugak gajilah aa jadi kita ada 3<sup>rd</sup> party payment yeh dan sebagainya jadi dan saya juga telah mm mengadakan perbincangan dengan aa e-perolehan government dimana kita akan menjalankan e-perolehan aa dan saya juga telah aa berbincang untuk

mengadakan pembayaran melalui aa kredit kad ataupun e-debit, jadi ini adalah antara perkara-perkara yang kita sebab sekarang ni kita kene ikut perkembangan zaman jadi tidak ada kalau boleh tu kita pergi kepada paper less kan, jadi kita pun mungkin kearah kearah e-meeting dan sebagainya jadi aa mm buat masa ini saya bersyukur kerana infratraktur kita dah ada infrastruktur is there for you to start apa-apa saja kita boleh melihat apa-apa sistem yang dihidangkan kita boleh mengambilnya syaratnya kene rajinlah mengadakan mesyuarat macam mana nak melaksanakan dan sebagainya.

**Yazid:**

Puan, tadi puan ada katakan berkenaan dengan penjanaan kewangan universiti, kalau kita lihat universiti-universiti lain dia ada penglibatan koperasi yang aktif kemudian ada juga anak-anak syarikat universiti so bagaimana penjanaan kewangan dibuat di USIM ini dan adakah perancangan-perancangan yang telah dibuat difikirkan?

**Puan Rohani:**

mm buat masa ni kata menjana pendapatan dulu masa kita diberi peruntukan aa pembayaran dia park duit tu dulu kita diberi peruntukan aa pembangunan dia park duit tu dulu kita adalah memasukkan dalam bentuk aa fix deposit aa tapi aa makna kita dapat hibahlah aa tetapi sekarang ni peruntukan dia dah kita punya projek berjalan lancar memang tak cukup nak buat hibah pun sikit je lah kita nak dapat aa tak sebanyak dulu-dulu lah aa dan untuk makluman kita jugak telah menyelidik satu dipanggil unit penjanaan pendapatan lah disini di pejabat bendahari dimana kita menggunakan menyewa apa yang saya nampak ialah premis-premis kita dulu kita ni miskin pasal kita

tumpang bila kita tumpang tempat orang bukan sahaja kita tak boleh menyewakan kita kene bayar pula sewa. Masa kita di pandan indah tapi bila kita berada disini saya merasa syukur aa walaupun kita takda duit saya rasa lega macam you lah you gaji dah tinggal sikit tapi rumah ada, kita dah ada dah settle jadi you rasa ada dengan berpindahnya kita disini maknanya kita tak payah risau nak buat allocation untuk bayar sewa kepada orang aa saya cuma concentrate aa maintenance of the bangunan dan juga kawasan dan juga menggunakan jadi kita tidak mengadvertised kan telah saya telah membawa ke jawatankuasa kewangan untuk menetapkan kadar-kadar sewa infact semua makmal, dewan kuliah, padang segala kemudahan universiti telah kita tetapkan kadar sewa tu termasuk kafeteria jadi ada jugaklah kutipan buat masa ini kita ada juga menerima pelawaan daripada misalnya bank rakyat untuk menyewa dewan kuliah kita dan sebagainya, jadi aa saya rasa is a good move lah kita juga seperti universiti lain (telan air liur) walaupun universiti lama dia banyak hasil kerana operasi dia telah berpuluh-puluh tahun of course dia ada dia punya compare dengan kita baru menabung dengan orang yang baru yang baru menabung aa orang yang telah lama ye jadi tetapi kalau nak kirakan kutipan hasil kita itu aa untuk tahun pertama tu memang kita dipanggil pioneer status lah masa kita buat bajet kita tak ada tax apa-apa tetapi tahun kedua dan sampai sekarang kita dah di tax lah maknanya kalau kerajaan kata peruntukan tahun 2007 67 juta dia akan tolak 7 juta itu adalah hasil daripada yuran jadi dia bagi kita perbezaan tu bermakna universiti kena menjana at least 10% walaupun didalam perancangan kearah pengkoperatan universiti kita kena menjana at least 30% aa universiti-universiti lain

saya rasa yang dah yang dah telah lama tu mungkin boleh tetapi kita ni kan baru dan dari segi penjanaaan aa pendapatan kita memang berhasrat untuk menubuhkan satu bisnes wing tetapi didalam akta pelaburan bisnes wing ni tidak boleh langsung menggunakan hasil daripada wang daripada kerajaan maknanya kalau kita income kita generated daripada aa wang geran kerajaan tak boleh digunakan ni mesti start finish from your own collection so emm walaupun nak mendahulukan misalnya universiti dahulukan 500 ribu tak boleh dalam aa apa ni aa dalam garis panduan pelaburan tidak boleh mendahulukan dan bila kita start bisnes wing satu lagi kita kena ada pengurusnya yang gajinya tidak boleh diambil dari peruntukan universiti you must have your own money to pay aa yang ketiganya kita kena buat akaun syarikatlah makna mem syarikat-syarikat lain hantar kepada AC so baru-baru ni (telan air liur) Dato' Syed Amir telah diminta oleh LPU untuk meninjau kearah cara-cara pengkoperatan universiti dia telah mengadakan mesyuarat pertama kita memikirkan untuk mengadakan nak menubuhkan sebuah syarikat belum bersedia lagi pasal kita tak ada modal nak start dan nak bayar gaji tu pun kita tak ada duit pengarah aa pengarah syarikat tu kena bayar gaji dia dan aa jadi langkah pertama seperti yang diamalkan oleh universiti-universiti lain kita aa actually kita set dulu biro biro pengembangan dan rundingan kerana kita punya area ialah aa konsultasi consoltation right so terjemahan kita ada kemahiran bahasa arab jadi kepakaran jadi aa biro ini yang telah ditubuhkan baru-baru ini yang akan handle semua konsultasi kita diminta oleh kementerian untuk adakan AADK misalnya dan aa SPADA benda-benda ini sebenarnya kita boleh generated income jadi untuk bendahari

memikirkan benda tu sepatutnya di ha di di di di uruskan oleh satu bisnes wing bendahari ni macam custadion kita meng take care of all the aktiviti-aktiviti business activity jadi kita mengharapkan biro inilah yang akan menetapkan kadar berapa banyak because kalau orang luar datang dia berunding dengan universiti atas universiti the government government rate tidak tinggi, jadi kita nak dapatkan rate yang commercial rate kita kena ada satu business wing bukanlah membuka sebuah syarikat tetapi business wing jadi biro kita tu lah adalah business wing yang boleh memantapkan kadar supaya kita dapat pulangan yang berpatutan lepas tu hasilnya akan dimasukkan kebawah dibawah jagaan bendahari bila kita dah cukup duit besok barulah kita akan memulakan kita punya aa orang panggil KUM ee USIM team punya nil ah aa business wing syarikat buat masa ini kita tak mampu sebab apa kita tak buka syarikat bak kata dato' akhir tahun kita rugi lebih baik kita tidak payah cakap kita buat dulu jawatankuasa bila kita bersedialah baru kita buka syarikat jadi kita akan ambil daripada sumbangan aa apa nama ni R&D dan juga kita punya pembelajaran lah ye dan pembelajaran tu kita akan dikenakan charges sepatutnyalah tu kita punya perancangan lah.

**Harianti:**

Puan banyak bagi pembaharuan yang puan bawa kesini lah daripada pengalaman untuk puan generated habis-habisan disinilah sebab saya rasa aa walaupun banyak kejayaan mungkin pada pendapat puan kita masih ada kekurangan lagi so apakah aspek yang boleh dibaiki?

**Puan Rohani:**

Kelemahan kita lah macam biasa lah dah government delivey kan delivery ni memang kita ada semua sekali tapi

kadang-kadang aa lah kita kita beli benda-benda ni sampai tapi kalau benda tu tak disampaikan kepada pengguna atau tak delivered tak guna juga akhirnya tak dapat lagi dia punya kesannya dia punya impaknya jadi yang saya rasa bukan saja yang saya sebagai aa bendahari tetapi management melihat perkara ini dan event dato' sendiri aa menegaskan ini sebagai wadah untuk mereka perbaiki diri sendiri sistem even didalam jawatankuasa keutuhan pun maka inilah yang di di di pertekankan because aa delivery system ni bukan sahaja di universiti dalam parlimen pun dibangkitkan projek lambat take off geran bantuan tak disampaikan pada orang tu sewa delivery system yang memang kita sebagai pegawai kerajaan kena perbaiki lah that university system.

**Yazid:**

Apakah pendapat puan bagaimanakah pembinaan kampus baru di nilai ini boleh membantu dalam pembangunan sosial dan proses pembangunan negara?

**Puan Rohani:**

Ok aa in fact benda ni kita memang kena laporkan kepada setiap tahun kita ada menghantar pada setiap tahun buku laporan tahunan ye disamping laporan kepada jemaah menteri nota kepada jemaah menteri nota itu memang aa nombor satu daripada seksyen nota itu ialah impak sosial impak sebenarnya aa perubahan kampus ini dikawasan aa negeri sembilan memanglah impaknya memberikan peluang-peluang pekerjaan yeh in fact kalau kita nak lantik kontraktor yang sebut-sebut harga kecil kita kena untuk kerja-kerja kecil kita kena minta untuk mengambil kontraktor yang berdaftar dikawasan negeri sembilan dan sekitarnya itu impak dari segi pekerjaan lah tetapi dalam segi bidang pekerjaan tak pula dikata orang negeri sembilan je itu

setidaknya dari segi kontraktor itu memang polisi kerajaan yang kedua dari segi aa impaknya ialah kenapa USIM ini ditubuhkan dahulu ialah untuk menjimatkan penghantaran aa ni penghantaran aa menjimatkan wang negara kerana selama ini kita channelkan pelajar-pelajar kita daripada sekolah agama memang limited lah diorang ni sebenarnya tak ramai yang dapat pergi Azhar yang tak ramai very limited walaupun bilangan pelajar-pelajar daripada kalau you misalnya you jumpa nanti bertemu bertemuramah dengan dato' Lah, dato' Lah akan dapat even dato' Asin sendiri akan ada figure berapa ramai pelajar-pelajar daripada sekolah sekolah menengah agama, right ramai tapi dahulu banyak yang tercicir sebab tak ada outlet, bila bertanding dalam open market pelajar-pelajar ini tak dapat aa tempat yang sewajarnya, jadi bila ditubuhkan USIM ni KUIM ni, kita sebenarnya mengeluarkan pelajar-pelajar daripada aliran agama untuk melanjutkan pelajaran didalam bidang bukan didalam bidang yang tradisional tetapi yang bidang-bidang yang competitive like perakaunan aa, perundangan, kedoktoran aa sekarang kita dah buka pergigian, jadi diorang akan dapat semua share kalau tidak you compete didalam apa market memang budak-budak ni memang lagi pun diorang tak ramai yang sampai ke peringkat ni high level di atas kesedaran itu maka USIM ni ditubuhkan untuk mengeluarkan profesional muslim jadi impaknya kepada pelajar-pelajar daripada aliran menengah agama banyak yang kita bantu untuk ketengahkan untuk menjadi there are not stupid tuk dapat peluang mungkin daripada segi bahasa inggeris nya dan sebagainya jadi itulah sebenarnya hasrat kerajaan untuk mengeluarkan profesional muslim bukan maknanya kalau kita buat aa apa nih aa USIM ni just untuk

mengeluarkan orang yang mahir dalam bidang Quran dan Sunnah satu dalam bidang tu je menjadi pegawai agama tak, there can be seorang aa apa nama ahli sains boleh jadi food nutritionist boleh jadi seorang doktor jadi doktor gigi aa apa ni peguam syarie dan sebagainya jadi memang impaknya besar dari segi aa penyaluran makna kita dah kuranglah kita selamatkan wang negara in fact dari segi ini sebenarnya.

**Harianti:** Berdasarkan skala baik, sederhana, kurang baik, ditahap manakah sumbangan universiti dapat diskalakan?

**Puan Rohani:** Sumbangan universiti kepada apa nama negaranya sebab actually kita didalam komen-komen yang telah aa dibuat oleh dan sebagainya aa nampaknya USIM ni satu kita telah aa melaksanakan mengikut apa yang telah kita landaskan kita telah on the right we are on the right track kita telah aa apa ni mengikut aa kursus-kursus yang telah kita tawarkan memang competitive maknanya memang aa kursus yang boleh menjanjikan aa market ye untuk pelajar-pelajar dan begitu juga dengan sistem pentadbiran kita memang kita advance aa kalau you tengok tempat-tempat lain tu masih pakai orang kata pakai aa kad perakam even di putrajaya tapi kita telah menggunakan (tumb print-En Yazid) aa jadi dari segi kita punya punya pentadbiran pun saya kira tidak apa tidak ada kurangnya dengan universiti-universiti yang ada dah lama aa and then dari segi pengurusan kewangan pun kita memang setiap tahun alhamdulillah mendapat sijil bersihlah ye jadi belum ada lagi saya menharapkan benda ini berterusanlah supaya bak kata ketua audit negara you start awal tu bersih aa you start betul insyaallah selamanya akan betullah so kita men mencuba meletakkan asas-asas

yang baiklah maknanya dari segi pengurusan pentadbiran dari segi kerjaya pelajar-pelajar kita pun memang saya difahamkan oleh kerajaan yang dibuat seramai 25 orang sahaja yang tidak dapat kerja itu sebabnya bila government bagi geran untuk menaikkan latihan soft skill kepada pelajar-pelajar kita tak ada pelajar sebab kebanyakan pelajar kita telah pun mendapat tempat ye aa even pelajar kita telah pun mendapat tempat ye aa even pelajar-pelajar kita yang membuat latihan dia orang lah buat latihan amali tak mendapat tempat yang se sedap dia orang meng di Malaysia Airport Berhad jadi duta kita untuk menyambut dan dibayar 800 ringgit seorang just compare tu kalau you pergi buat latihan amali 5 ringgit je sehari so maknanya kita pelajar kita memang is needed terutama macam sekarang ni dengan adanya bank-bank daripada Saudi yang masuk kan macam Al-Rajh bank dia memang memerlukan pelajar-pelajar yang mahasiswa yang berkebolehan bahasa arab disamping memahami tentang ekonomi so ini yang kita apa nama tu aa mendapat tempat lah sebab kita selain daripada UIA lah tapi kita juga aa telah membuat aa kos-kos yang aa orang kata setanding aa jadi saya rasa kesimpulannya saya bersyukurlah aa dalam masa 7 tahun lah ye kita 2000 saya merasakan universiti yang muda tapi kematangannya seperti universiti yang dah tua kita muda tetapi matang jadi maknanya kita mampu melaksanakan aa menggunakan kita punya orang kata aa acuan kita sendiri kita tak tiru orang jadi kita menggunakan acuan kita sendiri dan kita on the right track kita masih menggunakan falsafah penubuhan ini sebagai hala tuju kitalah dari segi pembangunan pun saya rasa alhamdulillah kita dah banyak dah bangunan-bangunan penting semuanya kita

telah dapat apa ni laksanakan even bangunan pentadbiran ni alhamdulillah kita telah sistem pun semua dah mantap so sepatutnya kita bersyukur lah kerana saya saya percaya kejayaan kita ini kerana adanya kerjasama bukan saja dari pihak-pihak atasan tetapi juga dari pihak bawahan yang sentiasa memberi mm pa nama tu kerjasama yang tidak berbelah bagi in fact itulah semangat ya masa kita muda-muda masuk menerajui dahulu itulah semangat kerjasama dan semangat itu harus diteruskanlah supaya kita dapat mewujudkan satu kampus yang indah yang cemerlang dan terbilang itu sahajalah yang saya nak.

TAMAT

**Copyright © 2014 Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan USIM**